



MASYARAKAT PENYAYANG

S.P.2.2.1 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Lengkapkan puisi di bawah dengan perkataan yang sesuai.

tenaga

beban

rintangan

kesulitan

musibah



Masyarakat Berjasa

Rakan-rakanku,
Bantulah yang memerlukan,
Khidmat bakti dan sumbangan kita,
Ketika mereka dilanda (1) _____.

Bakti yang diberi,
Walaupun sedikit,
Tetapi bermakna bagi mereka,
Agar (2) _____ semakin berkurangan,
Tidak menanggung (3) _____,
Yang berpanjangan dan meresahkan.

Ayuh rakan-rakanku,
Sahut cabaran dan (4) _____,
Hulurkan jasa demi masyarakat tercinta,
Demi negara padukan (5) _____,
Ke arah masyarakat yang sejahtera.



KERJASAMA ERATKAN HUBUNGAN

S.P 2.3.2 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan pernyataan yang diberi.

rasa terharu atas pelantikan	diberikan kesempatan untuk menyampaikan ucapan	menuruti peraturan sekolah
memastikan disiplin dan sahsiah murid terus terkawal	tegas dan adil kepada semua murid	

Yang Berusaha Tuan Guru Besar, Guru-guru Penolong Kanan, yang saya hormati guru-guru dan rakan-rakan sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana (1) _____ pada perhimpunan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya mewakili barisan pengawas merakamkan (2) _____ saya dan rakan-rakan yang lain sebagai pengawas pada tahun ini. Kepercayaan yang diberikan tidak akan kami persiakan. Kami berjanji akan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Kami bertekad akan bekerjasama dengan pihak sekolah untuk (3) _____. Yang paling penting, kami akan berusaha menunjukkan contoh yang baik dan terpuji kerana ada ungkapan menegaskan bahawa “keimpinan melalui tauladan.”

Hadirin sekalian,

Saya dan rakan-rakan berikrar akan menjalankan tugas dengan sebaik-baik mungkin. Kami akan bertindak (4) _____. Pada kesempatan ini, saya memohon kepada setiap murid agar memberikan kerjasama dan (5) _____ agar disiplin di sekolah memberangsangkan.

Akhir kata, saya berharap kepada semua murid agar menghormati tugas pengawas dan bersama-sama dengan kami untuk memajukan sekolah kita. Sekian, terima kasih.



BAHAYA DALAM SENYAP

S.P.2.1.2 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Bina pantun empat kerat menggunakan perkataan yang telah dihitamkan. 

Ayam bertelur di tepi kolam,
Telur diletakkan di dalam raga;
Jangan tidur **lewat** malam,
Kesihatan diri perlu dijaga.

Tumbuh subur bunga kiambang,
Hidup mekar di tepi **telaga**;
Makanlah makanan yang seimbang,
Supaya **tubuh** sentiasa bertenaga.

Batang kelapa diikat tali,
Untuk dibuat sebuah rakit;
Amalkan **senaman** setiap hari,
Tubuh sihat tiada penyakit.

Mencandat sotong bersama kawan,
Letak dalam raga yang **jarang**;
Kebersihan diri perlu diutamakan,
Supaya diri disenangi orang.

lewat

telaga

tubuh

senaman

jarang

1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

PRAKTIS TOPIK



KEBERSIHAN DIRI DAN PERSEKITARAN



Praktis 1

S.P.2.3.1 Kemahiran Membaca

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KANTIN

Kantin merupakan tempat yang paling penting bagi setiap murid. Ini kerana di sanalah tempat mereka mendapatkan makanan ketika waktu rehat.

Makanan yang dijual di kantin hendaklah bersih, selamat dan bermutu. Jika pengurusan dan kebersihan kantin tidak dilaksanakan dengan baik, berbagai masalah akan timbul. Antaranya keracunan makanan, alahan dan penyakit *bawaan makanan* yang lain yang akan membahayakan kesihatan murid-murid.

Kebanyakan keracunan makanan yang berlaku disebabkan oleh pencemaran dan kurangnya kawalan semasa menyediakan makanan. Pihak sekolah perlu memantau dan memastikan makanan yang bermutu dan selamat dijual di kantin sekolah. Selain itu, pihak sekolah hendaklah menggalakkan pengusaha kantin menjaga kebersihan, keceriaan dan keselamatan murid-murid.

Kebersihan diri pengusaha dan pekerja kantin, kebersihan bangunan, peralatan dan makanan yang dijual perlu dititikberatkan. Bekalan makanan seperti bahan mentah hendaklah dalam keadaan segar, tidak rosak atau pun busuk supaya kantin menjadi tempat yang selamat untuk setiap murid.

1 Mengapakah kantin penting kepada murid-murid?

2 Apakah kesan negatif terhadap murid jika makanan yang dijual tidak diurus dengan baik?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

3 Maksud frasa penyakit *bawaan makanan* dalam petikan _____

4 Nyatakan perkara yang perlu dipatuhi oleh pengusaha kantin bagi menjamin kualiti makanan yang dijual. **KBAT**

BIJAK BERTINDAK

S.P 2.3.1 Kemahiran Membaca



Praktis 2

Susun cerita di bawah berdasarkan gambar yang disediakan.



Akhirnya penjenayah dapat diberkas kemudian di serahkan kepada pihak polis.



Pak Mail, selaku ketua kampung mengumpulkan penduduk kampung untuk mengadakan mesyuarat tergempar.



Penduduk kampung membuat rondaan mengikut jadual yang ditetapkan.



Kanak-kanak dan wanita yang pulang dari surau telah terserempak dengan lembaga berkepala harimau.



AWASI LANGKAHMU

S.P.2.3.2 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Baca sajak di bawah kemudian bina dua rangkap pantun mengenai negara Malaysia. 

Malaysia
 Tanah tumpah darahku
 Aku bangga menjadi wargamu
 Keamanan dan kedaulatan dijaga
 Mereka! Merdeka!

Malaysia
 Kesejahteraan hidup lama dirasa
 Walau berbilang keturunan dan budaya
 Hormat-menghormati
 Demi bangsa dan negara.

Malaysia
 Raja dan pemimpin disanjung
 Teruskan usaha
 Bawa kegemilangan ke serata dunia.

Sajak 1

Blank dashed-line box for writing Sajak 1.

Sajak 2

Blank dashed-line box for writing Sajak 2.

PRAKTIS TOPIK



MERAIKAN PENYATUAN



Praktis 1

S.P 1.1.3 Kemahiran Membaca

Lengkapkan dialog di bawah dengan ayat tanya yang betul.

Syanthi: Sekolah kita akan mengadakan pertandingan pakaian beragam. Saya berminat untuk menyertainya. _____?

Wahidah: Terima kasih Syanthi. Saya berminat untuk menyertai pertandingan tersebut. _____?

Syanthi: Pertandingan itu akan diadakan pada hujung bulan ini iaitu 25 Ogos. _____?

Wahidah: Pada pendapat saya, kita mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan baju kerana kita boleh bertukar pakaian tradisional yang kita ada. _____?

Syanthi: Ya, saya boleh menerima cadangan kamu. Sungguh bagus cadangan kamu. _____?

Wahidah: Kamu boleh datang ke rumah saya untuk mencuba pakaian pada bila-bila masa kamu senang.

Syanthi: Oh, baiklah! Saya akan datang ke rumah kamu pada hari Ahad ini. Terima kasih.

Wahidah: Sama-sama, jumpa nanti.



SAYANGI MALAYSIA



Praktis 1

S.P 2.3.2 Kemahiran Membaca

Baca petikah di bawah, kemudian jawab soalan yang diberi.

Tanggal 17 Oktober 2010, maka lahirlah puteri kebanggaan bapa dan puteri kesayangan bonda di Pulau Mutiara.

Tatkala menjejak kaki ke alam persekolahan, puteri ini telah memperlihatkan pelbagai kebolehan dan keistimewaan. Ketinggian kecerdasan yang dimilikinya sejak di tahun satu sukar digugat oleh rakan sealirannya. Maka tidak hairanlah, beliau sentiasa berada di antara yang cemerlang dalam bidang akademik dan aktif dalam bidang kokurikulum. Setiap tahun beliau menerima anugerah akademik terbaik dan cemerlang.

Dalam bidang kokurikulum, beliau adalah ahli aktif. Beliau menyertai pelbagai pertandingan. Antaranya ialah Johan Pertandingan Bicara Berirama semasa sambutan Hari Imunisasi peringkat kebangsaan, menyertai Karnival Bahasa Inggeris dan mendapat tempat kedua dalam *Poetry Recitation* peringkat zon Ampang.

Berlandaskan kegigihan dan kecemerlangan akademik yang ditonjolkannya dari tahun satu hingga ke tahun lima, maka pihak sekolah dengan bangganya menganugerahkan Adik Siti Aisyah binti Khairul sebagai Tokoh Harapan tahun 2023.

KOSA KATA

Gugat – mengganggu

1 Perkataan bonda boleh digantikan dengan perkataan _____.

2 Nyatakan kejayaan kokurikulum yang diperolehi oleh Siti Aisyah.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

3 Mengapakah Siti Aisyah dipilih sebagai Tokoh Harapan?

4 Pada pendapat kamu, selain daripada cemerlang akademik dan aktif kokurikulum, apakah ciri-ciri yang dinilai untuk menjadi Tokoh Harapan? **KBAT**



KERANAMU MALAYSIA



Praktis 1

S.P.2.2.1 Kemahiran Membaca



Dengan merujuk multimedia, cari maksud lambang pada Jalur Gemilang.

KENALI REKA BENTUK JALUR GEMILANG

The diagram shows the Malaysian flag with the following callouts:

- Lambang Bulan sabit
- Lambang 14 bucu bintang
- Warna merah
- Warna putih
- Warna kuning
- Warna biru

JOM KIBARKAN JALUR GEMILANG

Lambang dan warna	Maksud
Bulan sabit	
Merah	
Biru	
Putih	
Kuning	
14 bucu bintang	



MESRA TEKNOLOGI



Praktis 1

S.P.2.2.1 Kemahiran Membaca

Baca petikan, kemudian fahami maklumat tersurat dan tuliskan maklumat tersirat.

Afiq Amsyar baru sahaja membeli sebuah rumah di Kuala Lumpur setelah beberapa tahun bekerja di sana. Afiq Amzar bercadang hendak membeli perabot untuk diletak di rumah barunya.

Dia ke kedai menjual perabot untuk membeli kerusi dan juga katil. Penjual telah mencadangkan sebuah kerusi 2 dalam 1 kepada Afiq Amzar. Kerusi ini mempunyai beberapa keistimewaan. Antaranya, ialah kerusi ini boleh dibuka untuk dijadikan katil. Setelah digunakan, kerusi ini boleh dilipat semula. Selain itu, reka bentuk kerusi ini moden dan terdapat pelbagai warna yang menarik. Akhir sekali, harga kerusi ini adalah berpatutan. Setelah berfikir, Afiq Amzar mengambil keputusan untuk membelinya.

Idea tersurat	Idea tersirat
Boleh dijadikan kerusi dan tempat tidur	
Boleh dilipat	
Reka bentuk moden dan pelbagai warna menarik	
Harga yang berpatutan	



INOVASI BERTAMBAH MUTU

S.P 2.2.1 Kemahiran Membaca



Praktis 1

Kamu dikehendaki menghasilkan suatu ciptaan baharu berdasarkan maksud inovasi yang diberi. Lukis ciptaan kamu dan tuliskan kemudahan ciptaan kamu. KBAT

Cara baharu

Objek baharu

Penemuan baharu

Teknologi baharu

Inovasi

Pengetahuan baharu

Tajuk ciptaan : _____

Lukisan ciptaan



CERIAKAN BUANA KITA

S.P 2.1.1 Kemahiran Membaca

 **Praktis 1**

Baca cerita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang diberi.

Saya telah mengikuti perkhemahan pengakap di Hutan Belum. Pagi itu, saya ditugaskan mencari kayu api di pinggir hutan. Ketika saya leka mengutip kayu api, saya ternampak seekor rama-rama yang cantik dan berwarna-warni. Saya terpegun lalu mengejar rama-rama itu yang terbang ke dalam hutan.

Tiba-tiba, baru saya tersedar bahawa saya telah masuk jauh ke dalam hutan. Saya memandang di sekeliling dan ternampak pokok yang besar dan tinggi yang amat menakutkan. Saya terus berjalan dan mencari anak sungai. Saya teringat pesanan guru, jika tersesat carilah anak sungai.

Setelah lama berjalan, saya terjumpa anak sungai lalu berhenti dan merehatkan diri di bawah seponon pokok yang rendah. Hari semakin gelap, cuaca menjadi semakin sejuk. Saya menangis ketakutan kerana terdengar bunyi unggas yang menakutkan. Disebabkan terlalu letih, saya tertidur di bawah pokok itu.

Pada keesokan pagi, saya terdengar suara sayup memanggil nama saya. Saya pun terjaga daripada tidur lalu berlari ke arah mereka. Saya bersyukur kerana dapat pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat. Pengalaman pahit ini akan menjadi satu pengajaran kepada saya dan tidak akan saya lupakan buat selama-lamanya.

1 Apakah yang dilakukan oleh penulis di Hutan Belum?

2 Bagaimanakah penulis boleh tersesat?

3 Apakah pesanan guru yang diingati oleh penulis apabila tersesat di dalam hutan?

4 Pada pendapat kamu, mengapakah murid diberi taklimat oleh guru sebelum mengikuti perkhemahan?



SELAMATKAN ALAM KITA




S.P 2.3.1 Kemahiran Membaca




Praktis 1

Berikan kesan amalan hijau yang diamalkan.




Amalan : Menanam pokok

Kesan :




Amalan : Menggunakan air tadahan mencuci kereta

Kesan :




Amalan : Mengitar semula kertas

Kesan :



Amalan : Menghasilkan baja kompos

Kesan :



Amalan : Berkongsi kereta

Kesan :



USAHAWAN BERWAWASAN



S.P 2.3.1 Kemahiran Membaca



Praktis 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Barangan Buatan Malaysia

Salam sejahtera diucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, guru-guru penolong kanan, guru-guru serta rakan-rakan sekalian. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan syarahan pada pagi ini. Tajuk syarahan saya adalah “Kebaikan Membeli Barangan Buatan Malaysia.”

Hadirin yang dihormati,

Salah satu kebaikan apabila membeli barangan buatan Malaysia ialah harga yang murah dan berpatutan. Ini amat menguntungkan pembeli kerana mereka dapat berjimat. Harga yang murah bukan melambangkan kualiti yang rendah tetapi kerana kita tidak perlu membayar duti import. Perkara ini disebabkan barangan tersebut dibuat di negara kita.

Selain itu juga, kita akan dapat memperoleh alat ganti dengan mudah. Ini kerana alat ganti itu dibuat di negara kita. Contoh, kereta Proton, alat ganti mudah dan cepat diperolehi berbanding kenderaan yang diimport dari luar negara.

Hadirin sekalian,

Pertumbuhan ekonomi negara akan berkembang dan maju kerana negara Malaysia mempunyai barangan buatan sendiri. Kita tidak perlu membeli atau mengimport barangan dari luar. Pengaliran wang ke luar negara dapat dikurangkan. Selain itu kita dapat menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara kita di samping dapat merangsang dan merencanakan pasaran tempatan.

Oleh itu, marilah kita menggunakan barangan buatan Malaysia. Sekian, terima kasih.

1 Mengapakah barangan buatan Malaysia dijual dengan harga yang murah?

2 Alat ganti kereta buatan Malaysia mudah dan cepat diperolehi kerana _____

3 Nyatakan cara kita dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara?

(a) _____

(b) _____